

JENAYAH SIBER

Pantau anak layari internet

Sejak akhir-akhir ini, isu jenayah siber yang membabitkan medium sosial semakin menjadi-jadi. Perkara ini amat membimbangkan dan jika tidak dikawal, barangkali mampu meruntuhkan nilai moral dan tamadun bangsa.

Bayangkan remaja 12 tahun sudah pandai menjual diri menggunakan laman sosial seperti dilaporkan media minggu lalu. Senario ini tidak sepatutnya berlaku jika pemantauan rapi ibu bapa, pihak berwajib dan masyarakat sekeliling.

Pelajar nalf jadi mangsa

Bahana internet sudah lama diperkatakan. Namun, tinda-



Ibu bapa **tidak wajar memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak melayari laman sosial.** (GAMBAR HIASAN)

kenderaan khususnya motosikal dan menjualnya menerusi laman sosial, menabur fitnah serta menghina pemimpin-pemimpin yang mampu melayari laman sosial pada bila-bila masa. Bagi keluarga yang berpelembak akibat perceraian,

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
bharian.com.my**

penting bagi mendapatkan hasil dapatan yang sah dan telus. Seterusnya akta atau undang-undang siber dan yang berkaitan dengannya perlu dikaji semula dari semasa ke semasa.

*Keratan akhbar dalam ruangan **Forum BH** bertarikh 11 Mac 2013.*

Usia muda sukar beza baik buruk

Saya merujuk tulisan bertajuk 'Pantau anak layari internet, *Forum BH* bertarikh 11 Mac 2013.

Penulis berkenaan mendakwakan ibu bapa memberi kemewahan kepada anak mereka hingggakan budak sekolah rendah sudah menggunakan telefon canggih untuk melayari internet.

Pada pendapat saya, pada usia sebegini tidak sesuai diberikan kemudahan seperti ini kerana mereka masih muda untuk membezakan antara baik atau buruk.

Kadang-kadang kita tidak sedar anak-melayari laman web lucu atau jenayah. Tidak pe-

lik jika kita sendiri dengar anak kurang beradab apabila bercakap kerana mereka meniru gaya dan pertuturan daripada Youtube yang dilihat.

Terap didikan agama

Di sinilah kita perlu menerapkan didikan agama kepada anak supaya mereka berlaku jujur dalam setiap tindakan walaupun ibu bapa tidak berada di sisi mereka.

Contohnya, setiap perkara yang kita buat walaupun sebesar zarah pun Allah akan catatkan dan balasannya akan dihisap di akhirat. Dengan ini mereka takut untuk melakukan dosa kerana sejak kecil

diberikan pesanan.

Namun, jika sudah besar baru untuk diberitahu, agak terlambat kerana perbuatan jahat sudah sebatu dengan jiwa mereka. Bak kata pepatah melentur buluh biar daripada rebungunya.

Tambahan lagi, anak akan leka bermain permainan dalam internet kerana mereka boleh muat naik pada bila-bila masa sahaja kerana tidak ada pemantauan daripada ibu bapa.

Masa yang ada sepatutnya digunakan untuk belajar bukan disalahgunakan dengan perkara tidak bermanfaat. Disamping itu, ada sesetengah

anak yang terlalu obses dengan dunia permainan itu hingga tidak mempedulikan keadaan sekeliling dan tidak pandai bersosial.

Berada dalam dunia fantasi

Keadaan ini sangat membimbangkan kita kerana mereka seolah-olah berada dalam dunia fantasi. Selain itu, anak yang mempunyai masalah akan mencari kawan melalui internet untuk diluahkan, akan tetapi kita perlu sedar tidak semua orang dalam internet baik kerana ada sesetengahnya mengambil kesempatan.

**Noor Zurreyatina Abdull
Rahman**

USIM